Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

121 Menggalakkan Kestabilan Sistem Pembayaran dan Penyelesaian
124 Trend Utama dan Perkembangan dalam Sistem Pembayaran Runcit

Sistem Pembayaran dan Penyelesaian

MENGGALAKKAN KESTABILAN SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN

Operasi RENTAS terus berdaya tahan dan dipercayai

Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti Secara Elektronik Masa Nyata (*Real-time Electronic Transfer of Funds and Securities System*, RENTAS) memudahkan penyelesaian kasar pindahan dana bernilai tinggi dan urus niaga sekuriti dalam masa nyata. Sebanyak 4.9 juta urus niaga berjumlah RM55.2 trilion telah diselesaikan melalui RENTAS pada tahun 2018 dengan mencatatkan pertumbuhan tahunan 8.1% dari segi jumlah, 2.7% dari segi nilai dan 39 kali keluaran dalam negeri kasar (KDNK) Malaysia. Jumlah purata urus niaga harian meningkat 8.5% kepada 20,240 (2017: 18,651) manakala nilai purata urus niaga harian meningkat 3.1% kepada RM227.1 bilion (2017: RM220.3 bilion) (Rajah 5.1). Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pemindahan dana pihak ketiga seperti pembayaran kerajaan dan korporat yang meningkat 8.5% dari segi nilai dan 7.2% dari segi jumlah; serta urus niaga sekuriti yang meningkat 8.4% dari segi nilai dan 42.9% dari segi jumlah. Pengenalan akaun sekuriti yang diasingkan pada bulan Mei 2018 telah membolehkan pengumpulan maklumat urus niaga sekuriti dan pemilikan sekuriti dalam RENTAS dengan lebih terperinci, yang menyumbang kepada peningkatan bilangan urus niaga sekuriti melalui RENTAS. RENTAS juga memudahkan urus niaga pertukaran asing antara bank dalam penyelesaian secara Pembayaran semasa Pembayaran (*Payment-versus-Payment*, PvP), terutamanya untuk urus niaga pertukaran asing antara dolar AS dengan ringgit, yang dapat menghapuskan risiko penyelesaian. Sejak pautan RENTAS-USD CHATS PvP diperkenalkan pada

Rajah 5.1: RENTAS: Purata Urus Niaga Harian Mengikut Nilai dan Jumlah

Peningkatan kecil dalam purata urus niaga harian RENTAS mengikut nilai dan jumlah



Sumber: Bank Negara Malaysia

tahun 2006, nilai purata harian yang diurusniagakan melalui pautan PvP telah meningkat secara purata sebanyak 14.2% setahun iaitu daripada RM5.2 bilion pada tahun 2007 kepada RM15.5 bilion. Pada tahun 2018, jumlah urus niaga dolar AS-ringgit antara bank yang diselesaikan menerusi pautan PvP ialah RM3.8 trilion yang mencakupi 69.4% daripada jumlah urus niaga pertukaran asing antara bank berbanding dengan ringgit.

Dari segi kebolehpercayaan operasi, sistem hos RENTAS dan saluran-saluran akses utamanya telah mencapai tempoh operasi sistem 100% pada tahun 2018, melebihi paras sasaran 99.9%. Bank terus memberikan tumpuan pada usaha untuk mengekalkan daya tahan infrastruktur sistem pembayaran bernilai tinggi bagi menghadapi ancaman siber dalam persekitaran Bank serta persekitaran pengendali dan peserta RENTAS. Bank mencapai pematuhan sepenuhnya terhadap semua kawalan keselamatan yang diwajibkan dan dicadangkan oleh *Society for Worldwide Interbank Financial Telecommunication* (SWIFT). Pematuhan ini disahkan melalui penilaian bebas yang dijalankan oleh sebuah firma audit luar. Bagi memperkukuh daya tahan siber dalam kalangan peserta industri, Bank juga menghendaki institusi kewangan untuk terus mematuhi kawalan keselamatan yang diwajibkan oleh SWIFT dan sangat menggalakkan pematuhan terhadap kawalan keselamatan yang dicadangkan oleh SWIFT. Pada akhir tahun 2018, pengendali RENTAS iaitu *Payments Network Malaysia Sdn. Bhd.* (PayNet), dan semua, kecuali dua[1] institusi kewangan telah mematuhi kesemua kawalan keselamatan yang berkaitan yang diwajibkan oleh SWIFT, manakala 81.5% institusi kewangan termasuk PayNet, telah melaksanakan kawalan keselamatan yang berkaitan yang dicadangkan oleh SWIFT. Memandangkan peningkatan kecanggihan dan kerumitan serangan siber, langkah-langkah kawalan yang berkesan sedang dilaksanakan oleh institusi kewangan secara berperingkat dalam persekitaran yang 'dianggap telah terjejas' (*assumed breached*) bagi melengkapi pertahanan sedia ada untuk mengatasi serangan siber. Langkah ini termasuk kaedah untuk mengesan mesej pembayaran di luar dasar (*out-of-policy*) atau pembayaran yang mencurigakan, dan menyekat urus niaga palsu yang sedang berlaku (*fraudulent in-flight transaction*). Institusi kewangan juga dikehendaki secara berkala menyemak dan mempertimbangkan untuk merasionalisasikan Aplikasi Pengurusan Perhubungan SWIFT (*Relationship Management Applications*, RMAs)[2] yang tidak aktif bagi mengurangkan kelemahan.

Pengurusan risiko lebih mantap seiring dengan pertumbuhan pembayaran runcit

Pembayaran elektronik runcit[3] terus mencatatkan pertumbuhan dua angka pada tahun 2018 masing-masing sebanyak 13.3% dari segi jumlah dan 21.5% dari segi nilai (2017: 15.7% dari segi jumlah, 25.3% dari segi nilai). Pemindahan kredit seperti GIRO Antara Bank (*Interbank* GIRO, IBG) dan Pindahan Segera (*Instant Transfer*) terus menyumbang kepada sebahagian besar daripada pembayaran elektronik runcit, masing-masing sebanyak 64.1% dan 17.0% daripada jumlah nilai pembayaran elektronik runcit pada tahun 2018.

Institusi kewangan dikehendaki menambah baik pemantauan serta pengurusan kedudukan dan dedahan mudah tunai intrahari mereka

Memandangkan pertumbuhan dalam permintaan pengguna akhir untuk pembayaran segera dan peningkatan dedahan debit bersih dalam sistem pembayaran runcit masa nyata, institusi kewangan dikehendaki menambah baik pemantauan serta pengurusan kedudukan dan dedahan mudah tunai intrahari mereka, dan mengurangkan risiko kebuntuan pembayaran (*gridlock*). Institusi kewangan boleh menggunakan penunjuk mudah tunai intrahari sejajar dengan apa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Penyeliaan Perbankan Basel (*Basel Committee on Banking Supervision*, BCBS) dan Kemudahan Penyelesaian Pengoptimuman Mudah Tunai (*Liquidity Optimisation Settlement Facility*, LOSF) yang dapat memberikan penjimatan mudah tunai dan pengurusan mudah tunai yang lebih cekap.

Bank meluluskan 10 pengeluar wang elektronik bukan bank yang baharu pada tahun 2018,

[1] Kedua-dua institusi kewangan ini dijangka mematuhi sepenuhnya kawalan keselamatan yang diwajibkan oleh SWIFT menjelang bulan Jun 2019.

[2] RMA mentakrifkan rakan niaga yang mana sebuah institusi boleh menghantar atau menerima mesej SWIFT.

[3] Terdiri daripada GIRO Antara Bank (IBG), Pindahan Segera, Bursa Pemprosesan Kewangan (*Financial Process Exchange*, FPX), Debit Terus (DD), Platform Pembayaran Bil Secara Elektronik Kebangsaan (JomPAY), kad pembayaran dan wang elektronik.

meningkatkan jumlah pengeluar kepada 47 (2017: 37). Dalam menilai kemasukan pengeluar baharu, Bank mempertimbangkan keupayaan pemohon untuk mengendalikan skim wang elektronik yang dicadangkan dengan cara yang selamat dan mantap. Penilaian ini berdasarkan kepada beberapa kriteria seperti pengalaman, kecukupan sumber kewangan dan keupayaan pengurusan risiko termasuk langkah-langkah keselamatan yang mencukupi. Meskipun Bank menggalakkan persaingan dan inovasi dalam perkhidmatan pembayaran yang akan memberikan manfaat kepada pengguna dan menggalakkan rangkuman kewangan yang lebih meluas, Bank sedar akan kos berkaitan pasaran pembayaran runcit yang kurang bersepadu (*fragmented*) berikutan percambahan pengeluar wang elektronik. Hal ini akhirnya akan mengurangkan manfaat kepada pengguna. Bagi menangani perkara ini, Bank telah melaksanakan Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (*Interoperable Credit Transfer Framework*, ICTF) pada tahun 2018 yang akan memudahkan proses saling boleh kendali antara bank dengan pengeluar wang elektronik bukan bank melalui infrastruktur pembayaran yang dikongsi bersama. Urus niaga wang elektronik yang mewakili 0.7% daripada jumlah nilai pembayaran elektronik runcit pada tahun 2018, mencatatkan pertumbuhan 3.2% dari segi jumlah dan 20.6% dari segi nilai kepada 1.92 bilion urus niaga bernilai RM11.0 bilion (2017: 1.86 bilion, RM9.1 bilion). Pada tahun 2018, Bank telah menjalankan pemeriksaan ke atas empat pengeluar wang elektronik yang mewakili saiz pasaran yang agak besar untuk memastikan langkah-langkah pengurusan risiko dan perlindungan pengguna yang sesuai telah dilaksanakan. Secara amnya, langkah kawalan yang dilaksanakan oleh pengeluar ini didapati memuaskan. Langkah-langkah penambahbaikan telah dikenal pasti bagi beberapa pengeluar untuk terus mengukuhkan fungsi pengawasan dan pengaturan operasi mereka seperti pengurusan pembayaran balik dan laporan penipuan. Berkuat kuasa pada 2019, semua pengeluar wang elektronik juga dikehendaki mengemukakan penilaian bebas tahunan oleh juruaudit luar mengenai kecukupan kawalan ke atas pengurusan dana pelanggan.

Urus niaga kad pembayaran yang mewakili 11.5% daripada jumlah nilai pembayaran elektronik runcit pada tahun 2018, telah meningkat sebanyak 21.7% dari segi jumlah dan 13.0% dari segi nilai kepada 698.0 juta urus niaga berjumlah RM188.0 bilion pada tahun 2018 (2017: 573.4 juta, RM166.3 bilion). Bagi memastikan kesinambungan dalam perkhidmatan kad pembayaran, Bank telah mengarahkan pengendali rangkaian kad pembayaran untuk menjalankan penilaian tahunan ke atas daya tahan pengendali terhadap gangguan operasi, yang perlu mengambil kira perubahan dalam landskap ancaman siber, serta mengenal pasti dan menangani sebarang kelemahan terhadap ancaman yang sentiasa berkembang. Keputusan penilaian akan digunakan untuk mengenal pasti langkah-langkah atau pelan tindakan yang boleh diambil untuk terus memperkukuh kebolehpercayaan perkhidmatan kad pembayaran.

Penipuan pembayaran kekal rendah

Keseluruhan jumlah kerugian penipuan kad pembayaran[4] meningkat sedikit kepada 0.026% daripada jumlah urus niaga (2017: 0.020%) dan 0.044% daripada jumlah nilai urus niaga (2017: 0.037%) (Rajah 5.2). Kebanyakan kes penipuan kad pembayaran melibatkan kad kredit, yang mencakupi 92.1% daripada jumlah kerugian penipuan, diikuti oleh kad debit dan kad caj masing-masing pada 7.3% dan 0.6%. Sebahagian besar penipuan kad pembayaran adalah daripada penipuan yang tidak memerlukan kad (*card-not-present*, CNP) seperti urus niaga dalam talian yang tidak sah yang mencakupi 95.5% daripada jumlah kes penipuan dan 91.8% daripada jumlah kerugian penipuan. Walau bagaimanapun, kerugian kepada pemegang kad kekal minimum pada 0.3% daripada jumlah kerugian penipuan (2017: 0.4%). Sebahagian besar kerugian penipuan (89.3%) terus ditanggung oleh entiti asing di bawah peraturan pemindahan liabiliti rangkaian kad pembayaran antarabangsa kerana Malaysia menerima pakai kaedah pengesahan[5] yang lebih kukuh. Sejak pelaksanaan pengesahan Nombor Pengenalan Peribadi (*Personal Identification Number*, PIN) untuk urus niaga dengan kad (*card-present*) pada bulan Julai 2017, kerugian penipuan untuk kad yang hilang dan dicuri terus menurun pada tahun 2018 kepada 0.001% daripada nilai urus niaga (ST1 2017: 0.003%; ST2 2017: 0.002%). Kerugian penipuan untuk kad yang hilang dan dicuri yang melibatkan transaksi kad tanpa sentuhan adalah terkawal pada tahap yang sangat rendah (masing-masing 0.0003% dan 0.0001% daripada jumlah dan nilai urus niaga).

[4] Kad pembayaran terdiri daripada kad kredit, kad debit dan kad caj.

[5] Kata laluan satu kali (*One-time password*, OTP) diperlukan untuk urus niaga dalam talian yang dibuat menggunakan kad pembayaran.

Rajah 5.2: Penipuan Kad Pembayaran Sebagai Peratusan daripada Jumlah Urus Niaga

Penipuan kad pembayaran kekal rendah



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.3: Penipuan Perbankan Dalam Talian Sebagai Peratusan daripada Jumlah Urus Niaga

Perbankan dalam talian terus berdaya tahan terhadap penipuan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kerugian penipuan perbankan dalam talian meningkat sedikit kepada 0.0006% daripada jumlah urus niaga (2017: 0.0004%) tetapi peratusan daripada keseluruhan nilai urus niaga stabil pada 0.0003% (2017: 0.0003%) (Rajah 5.3). Penipuan perbankan dalam talian runcit mewakili 97% daripada jumlah kerugian penipuan perbankan dalam talian dan meningkat sedikit masing-masing kepada 0.0008% dan 0.0034% daripada jumlah dan nilai urus niaga runcit (2017: 0.0006% dan 0.0032%). Kebanyakan kerugian penipuan perbankan dalam talian (90.2%) disebabkan oleh penipuan rekayasa sosial (*social engineering fraud*).[6]

Kerugian penipuan kewangan yang melibatkan kaedah memperdaya (*financial scam*) meningkat pada tahun 2018, tetapi kekal rendah pada 0.0006% daripada jumlah nilai urus niaga (2017: 0.0003% daripada nilai urus niaga). Dalam kes penipuan kewangan ini, pelanggan diperdaya untuk memindahkan dana ke akaun yang dikawal oleh orang yang memperdaya melalui saluran elektronik, iaitu perbankan Internet, perbankan mudah alih dan Mesin Juruwang Automatik (*Automated Teller Machine*, ATM).

Sebagai langkah yang berterusan untuk mengukuhkan lagi perlindungan terhadap percubaan penipuan, Bank menghendaki institusi kewangan memantapkan prosedur pendaftaran nombor telefon mudah alih yang digunakan untuk menerima kod pengesahan urus niaga (*transaction authorisation code*, TAC). Pendaftaran nombor telefon mudah alih bagi tujuan ini perlu dibuat sendiri oleh pengguna di cawangan institusi kewangan. Institusi kewangan juga dikehendaki mengesahkan permohonan pelanggan untuk menukar nombor telefon mudah alih berdaftar melalui ATM atau pusat panggilan, dan apabila mengesan sebarang kegiatan penipuan yang mencurigakan. Langkah ini bertujuan untuk lebih melindungi pelanggan daripada menjadi mangsa penipuan rekayasa sosial. Inisiatif pendidikan pelanggan juga terus diberikan penekanan, termasuk panduan keselamatan ketika menggunakan perbankan Internet dan penyebaran maklumat mengenai kaedah penipuan perbankan dalam talian serta penipuan kewangan yang lazim dilakukan melalui pelbagai platform media.

Inisiatif pendidikan pelanggan juga terus diberikan penekanan, termasuk panduan keselamatan ketika menggunakan perbankan Internet dan penyebaran maklumat mengenai kaedah penipuan perbankan dalam talian serta penipuan kewangan yang lazim dilakukan melalui pelbagai platform media

TREND UTAMA DAN PERKEMBANGAN DALAM SISTEM PEMBAYARAN RUNCIT

Kemajuan terus dicapai dalam menggalakkan perpindahan kepada e-pembayaran

Salah satu bidang keutamaan Bank adalah untuk mempercepat perpindahan kepada e-pembayaran,

[6] Pelanggan diperdaya untuk mendedahkan maklumat perbankan mereka kepada orang yang melakukan penipuan, yang kemudiannya menggunakan maklumat tersebut untuk melakukan urus niaga tanpa kebenaran.

seperti yang terkandung dalam Pelan Sektor Kewangan 2011 – 2020 (*Financial Sector Blueprint*, FSBP). Sejak tahun 2013, Bank telah melaksanakan beberapa langkah pembaharuan[7] untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih tinggi. Langkah-langkah ini tertumpu terutamanya pada usaha untuk menghapuskan gangguan pasaran di samping mengukuhkan insentif pasaran dan persaingan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan e-pembayaran yang lebih menjimatkan dari segi kos sebagai alternatif kepada cek dan wang tunai.

Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam usaha mengurangkan penggunaan cek di Malaysia berikutan lebih banyak urus niaga dilakukan menerusi perkhidmatan pindahan kredit (contohnya IBG dan Pindahan Segera). Pemangkin utama dalam perkembangan ini ialah Rangka Kerja Pembaharuan Harga yang dilaksanakan pada tahun 2013 yang berjaya memperbaiki herotan harga antara cek dengan perkhidmatan pindahan kredit. Usaha ini dilengkapi dengan Rangka Kerja Dana Insentif untuk e-Pembayaran (*e-Payment Incentive Fund*, ePIF) yang diperkenalkan pada tahun 2015. Di bawah rangka kerja ini, fi pemprosesan cek yang dikutip oleh bank disalurkan kembali kepada pelanggan mereka, terutamanya melalui pengecualian fi dan pemberian insentif untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran. Hasilnya, jumlah penggunaan cek telah berkurang lebih 50% daripada 204.9 juta (tujuh cek per kapita) pada tahun 2011 kepada 101.4 juta (tiga cek per kapita) pada tahun 2018.

Sementara itu, wang tunai masih digunakan secara meluas di Malaysia bagi urus niaga runcit. Walau bagaimanapun, kemajuan yang memberangsangkan telah dicapai sejak tahun 2015 dalam memperluas rangkaian pusat penerimaan e-pembayaran dalam kalangan peniaga runcit. Pelaksanaan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (*Payment Card Reform Framework*, PCRF) pada tahun 2015 telah menghapuskan herotan dalam pasaran kad pembayaran dan menyumbang kepada trend yang terus menurun dalam Kadar Diskaun Peniaga (*Merchant Discount Rate*, MDR) (Rajah 5.4). Berikutan kos menerima kad pembayaran yang lebih rendah ditambah dengan penubuhan Dana Pembangunan Pasaran (*Market Development Fund*, MDF) untuk

[7] Rangka Kerja Pembaharuan Harga (2013), Rangka Kerja Dana Insentif untuk e-Pembayaran (2015), Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (2015) dan Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali (2018).

Rajah 5.4: MDR Purata Mengikut Jenis Urus Niaga Kad Pembayaran

MDR purata untuk semua jenis kad pembayaran terus menurun



Sumber: Bank Negara Malaysia

membiayai penempatan terminal semasa jualan (*point-of-sale*, POS), bilangan terminal POS telah bertambah lebih sekali ganda daripada 233,248 terminal (lapan terminal bagi setiap 1,000 penduduk) pada tahun 2014 kepada 514,818 terminal pada tahun 2018 (16 terminal bagi setiap 1,000 penduduk) (Rajah 5.5). Bilangan peniaga yang menerima pakai kaedah pembayaran mudah alih juga meningkat pada tempoh ini, dengan mencatatkan lebih 65,000 pendaftaran pada akhir tahun 2018.

Selain itu, rangkaian terminal POS yang semakin meluas dan didukung oleh pelaksanaan PIN dan fungsi tanpa sentuhan bagi kad pembayaran di seluruh industri (selesai pada tahun 2017), terus menyumbang kepada penggunaan kad pembayaran yang lebih tinggi. Urus niaga kad debit berkembang lagi pada kadar yang kukuh dengan peningkatan 51.5% kepada 245.7 juta urus niaga

Rajah 5.5: Bilangan Terminal POS

Terminal POS terus mencatatkan pertumbuhan dua angka



* Kadar pertumbuhan tahunan purata

Sumber: Bank Negara Malaysia

pada tahun 2018 (2017: 50.8%, 162.2 juta). Yang nyata, penggunaan pembayaran mudah alih untuk urus niaga pembelian juga semakin mencapai kemajuan pada tahun 2018, dengan jumlah urus niaga meningkat kepada 23.7 juta (2017: 1.2 juta).

Penggunaan e-pembayaran yang terus meningkat telah menyumbang kepada pengurangan penggunaan wang tunai

Penggunaan e-pembayaran di Malaysia yang terus meningkat telah menyumbang kepada pengurangan penggunaan wang tunai, dengan nisbah Wang Tunai dalam Edaran kepada KDNK (*cash-in-circulation to Gross Domestic Product*, CIC/GDP) menurun sebanyak 0.3 mata peratusan antara tahun 2016 dengan 2018 (2013 hingga 2015: +0.4 mata peratusan).

Momentum pindahan kredit untuk menggantikan cek berterusan

Penggunaan cek terus mencatatkan penurunan dua angka pada tahun 2018, iaitu sebanyak 14.8% kepada 101.4 juta cek (2017: -10.6%, 119.0 juta cek), dengan penurunannya dicatatkan dalam kesemua kategori pengguna utama (Jadual 5.1).

Seiring dengan trend ini, penggunaan perkhidmatan pindahan kredit (IBG dan Pindahan Segera) terus mencapai kemajuan, iaitu meningkat 35.5% kepada 445.4 juta urus niaga pada tahun 2018 (2017: 27.9%, 328.6 juta), melebihi jumlah penggunaan cek sebanyak 4.4 kali (2017: 2.8 kali) (Rajah 5.6). Yang nyata, jumlah urus niaga Pindahan Segera telah mengatasi jumlah urus niaga IBG buat kali pertama. Pada tahun 2018, urus niaga Pindahan Segera meningkat 80.8% kepada 238.6 juta, manakala urus niaga IBG meningkat 5.1% kepada 206.8 juta. Jumlah urus niaga bulanan purata Pindahan Segera mencatatkan peningkatan yang lebih pantas pada separuh kedua tahun 2018, iaitu meningkat 100.8% berbanding dengan 55.9% pada separuh tahun pertama. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengecualian fi urus niaga sebanyak 50 sen oleh bank sejak 1 Julai 2018 bagi urus niaga Pindahan Segera yang bernilai RM5,000 dan ke bawah oleh individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana. Sebanyak 14 bank telah mengecualikan terus fi urus niaga Pindahan Segera bagi semua kumpulan pelanggan, tanpa mengira nilai urus niaga.

Urus niaga yang dibuat melalui Bursa Pemprosesan Kewangan (*Financial Process Exchange*, FPX) turut memberikan sumbangan yang ketara kepada peningkatan penggunaan pindahan kredit. FPX ialah sistem pembayaran yang membolehkan pelanggan membuat pembayaran dalam talian daripada akaun bank mereka di laman sesawang atau aplikasi mudah alih peniaga, termasuk peruncit dalam talian, pasaran e-dagang dan agensi kerajaan. Seiring dengan penggunaan e-dagang dan urus niaga dalam talian

Jadual 5.1

Penggunaan Cek Mengikut Kategori Pengguna Utama

Kategori pengguna utama (Bahagian daripada jumlah keseluruhan pada tahun 2018)	Jumlah Urus Niaga (Juta)		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (2013-2018)
	2013	2018	
Korporat (48%)	81.8	48.2	-10%
Milikan tunggal dan perkongsian (25%)	49.9	25.7	-12%
Individu (16%)	41.3	15.6	-18%
Agensi kerajaan (2%)	4.8	2.3	-14%
Lain-lain (9%)	19.3	9.6	-13%
Jumlah	**197.1**	**101.4**	**-12%**

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.6: Jumlah Urus Niaga bagi Cek, IBG dan Pindahan Segera

Jumlah urus niaga IBG dan Pindahan Segera mengatasi cek sebanyak 4.4 kali pada tahun 2018



* Fi Pindahan Segera dimansuhkan bagi nilai urus niaga RM5,000 dan ke bawah yang dibuat oleh golongan individu dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)

Sumber: Bank Negara Malaysia

yang semakin berkembang di Malaysia, jumlah urus niaga FPX telah meningkat lebih sekali ganda kepada 89.9 juta pada tahun 2018 (2017: 33.2 juta).

Satu penambahbaikan penting kepada landskap pindahan kredit ialah Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (*Real-time Retail Payments Platform*, RPP) PayNet, yang dilancarkan pada bulan Disember 2018. Pada akhir bulan Januari 2019, sebanyak 20 bank utama yang mencakupi lebih 70% daripada jumlah akaun semasa dan akaun simpanan di Malaysia telah menyertai RPP. Yang nyata, 6.8 juta pengguna telah berjaya didaftarkan dalam perkhidmatan *DuitNow* di RPP. Melalui perkhidmatan ini, pengguna boleh membuat dan menerima pembayaran secara mudah dengan merujuk pada nombor Kad Pengenalan, nombor telefon mudah alih atau nombor pendaftaran perniagaan penerima.

Peningkatan penggunaan kad debit bagi menggantikan wang tunai

Meskipun kad kredit kekal sebagai kad pembayaran yang paling banyak digunakan, urus niaga kad debit sebagai bahagian daripada jumlah urus niaga kad pembayaran terus meningkat daripada 28.3% pada tahun 2017 kepada 35.2% pada tahun 2018 (Rajah 5.7). Bahagian kad debit yang aktif dengan sekurang-kurangnya satu urus niaga sebulan daripada jumlah kad debit dalam edaran juga meningkat kepada 48.8% pada tahun 2018 (2017: 43.8%).

Trend penggunaan kad debit yang meningkat terus disokong oleh penggunaan pembayaran tanpa sentuhan yang lebih meluas. Sebagai sebahagian daripada inisiatif Spesifikasi Kad Cip Malaysia (*Malaysian Chip Card Specification*, MCCS), semua kad debit di Malaysia telah dinaik taraf untuk menyokong fungsi tanpa sentuhan menjelang 1 Januari 2018. Seiring dengan perkembangan ini, bilangan terminal POS tanpa sentuhan turut meningkat sebanyak 90.3% kepada 207,562 terminal, mencakupi 40.3% daripada jumlah terminal POS. Perkembangan ini telah melonjakkan penggunaan kad debit tanpa sentuhan dengan peningkatan 287.4% dari segi jumlah kepada 49.7 juta urus niaga pada tahun 2018 (2017: 12.8 juta). Oleh itu, bahagian urus niaga tanpa sentuhan daripada jumlah urus niaga kad debit telah meningkat lebih sekali ganda kepada 26.0% pada tahun 2018 (2017: 9.9%).

Pembayaran mudah alih sebagai alternatif kepada wang tunai

Urus niaga kewangan melalui saluran mudah alih terus mencapai kemajuan pada tahun 2018, dengan mengambil manfaat daripada kadar penembusan telefon mudah alih yang tinggi dalam kalangan penduduk Malaysia. Pada tahun 2018, urus niaga kewangan yang dijalankan melalui saluran perbankan mudah alih meningkat lebih sekali ganda kepada 257.4 juta dengan nilai RM100.1 bilion (2017: 107.7 juta, RM50.7 bilion). Hal ini disokong oleh bilangan pelanggan perkhidmatan perbankan mudah alih yang terus bertambah kepada 6.6 juta pelanggan pada tahun 2018 (2017: 4.4 juta). Institusi bukan bank juga mencapai kemajuan dalam segmen ini. Daripada 47 pengeluar wang elektronik bukan bank di

Rajah 5.7: Jumlah Urus Niaga Kad Pembayaran Mengikut Jenis Kad

Bahagian urus niaga kad debit meningkat kira-kira lima kali daripada 7.3% pada tahun 2011 kepada 35.2% pada 2018



Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 5.8: Bilangan Pengeluar Wang Elektronik Bukan Bank yang Diluluskan di Malaysia

Bilangan pengeluar wang elektronik bukan bank yang menawarkan penyelesaian pembayaran mudah alih meningkat hampir sekali ganda



Sumber: Bank Negara Malaysia

Malaysia, tiga daripada empat pengeluar menawarkan penyelesaian pembayaran mudah alih (Rajah 5.8). Bilangan langganan perkhidmatan pembayaran mudah alih institusi bukan bank meningkat dengan ketara daripada 0.8 juta pada tahun 2017 kepada 10.4 juta pada tahun 2018. Institusi bukan bank telah memproses sejumlah 31.1 juta urus niaga pembayaran mudah alih pada tahun 2018 dengan nilai RM1.3 bilion (2017: 1.0 juta, RM240.3 juta) (Rajah 5.9).

Rajah 5.9: Jumlah dan Nilai Urus Niaga Pembayaran Mudah Alih Bukan Bank

Urus niaga pembayaran mudah alih bukan bank meningkat dengan ketara pada tahun 2018



Sumber: Bank Negara Malaysia

Walaupun masih berada pada peringkat awal, pembayaran mudah alih kini semakin kerap digunakan dalam urus niaga pembelian harian yang secara tradisinya menggunakan wang tunai

Walaupun masih berada pada peringkat awal, pembayaran mudah alih kini semakin kerap digunakan untuk menggantikan wang tunai dalam urus niaga pembelian harian. Yang nyata, jumlah pembayaran mudah alih untuk urus niaga pembelian meningkat 20 kali kepada 23.7 juta (2017: 1.2 juta) dengan nilai urus niaga purata sebanyak RM23.80. Institusi bukan bank memainkan peranan yang penting dalam memacu trend ini dengan mencakupi 88.4% daripada jumlah urus niaga tersebut. Antara faktor penyumbang utama termasuk aktiviti mempergiat penambahan keanggotaan peniaga dan inisiatif pemasaran yang lebih agresif untuk menarik pengguna baharu. Pada akhir tahun 2018, lebih 65,000 peniaga telah mendaftar untuk menerima pembayaran mudah alih, dengan lebih 50% daripadanya dikendalikan oleh pengeluar wang elektronik bukan bank. Walaupun sehingga kini 18 bank menawarkan perkhidmatan perbankan mudah alih yang mencakupi 89.2% daripada jumlah akaun semasa dan akaun simpanan, hanya dua bank memperkenalkan perkhidmatan pembayaran kod Respons Pantas (*Quick Response*, QR) setakat ini. Pada peringkat ini, tumpuan bank kebanyakannya adalah pada usaha untuk menyempurnakan usaha pembangunan bagi memperkenalkan penyelesaian pembayaran kod QR saling boleh kendali di bawah skim QR saling boleh kendali PayNet yang akan dilaksanakan pada tahun 2019. Bagi melengkapi semua perkembangan ini, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha mengupayakan fungsi saling boleh kendali antara bank dengan pengeluar wang elektronik bukan bank melalui infrastruktur pembayaran yang dikongsi bersama, sebagaimana yang dihasratkan di bawah ICTF.

Di bawah ICTF, Bank terus memberikan tumpuan pada usaha mengupayakan fungsi saling boleh kendali antara bank dengan pengeluar wang elektronik bukan bank melalui infrastruktur pembayaran yang dikongsi bersama

Pada masa hadapan, landskap pembayaran mudah alih dijangka lebih aktif berikutan persaingan yang semakin sengit antara bank dengan institusi bukan bank. Oleh itu, peserta industri perlu berusaha untuk mengukuhkan tawaran nilai mereka kepada pengguna dengan memberikan pengalaman pendaftaran (*on-boarding*) yang lancar kepada pengguna dan peniaga, di samping memantapkan ciri-ciri nilai ditambah pada aplikasi mudah alih mereka. Tawaran yang lebih disasarkan juga diperlukan untuk memenuhi permintaan segmen yang tidak diberi perhatian atau kurang diberi perhatian, seperti pembiayaan mikro, insurans mikro dan perkhidmatan pengiriman wang. Pada masa yang sama, perkongsian strategik antara bank dengan institusi bukan bank dijangka meningkatkan pangkalan pelanggan yang lebih meluas dan merealisasikan potensi sinergi.